

Kuim anjur seminar makanan halal

PERSATUAN Mahasiswa Program Bioteknologi Makanan, Fakulti Sains dan Teknologi, Kolej Universiti Islam Malaysia (Kuim) menganjurkan Seminar Makanan Halal 2006 di Dewan Kuliah Pusat kolej universiti itu di Bandar Baru Nilai, pada 27 Disember ini.

Kuim dalam kenyataannya berkata, seminar berkenaan antara lain bertujuan untuk mendedahkan kepada umum mengenai ciri halal sesuatu produk makanan.

Ia akan membincangkan pelbagai aspek menyentuh isu saintifik dan analisis mengenai kaedah ahli sains mengesan sumber haram dalam makanan.

Seminar bertemakan *Peranan Analisis Teknikal dan Saintifik Dalam Aspek Makanan Halal* itu antara wadah ke arah mewujudkan landasan baru mengenai pengetahuan mengenai produk halal.

Selain itu, ia memberi peluang peserta berinteraksi dengan pegawai bertanggungjawab dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia serta persatuan pengguna bagi penerokaan ilmu dalam bidang berkenaan.

Orang ramai yang berminat untuk menyertai seminar berkenaan boleh menghubungi Salmah menerusi talian 06-7988805, Hassan 06-7988806 atau Norakmal 06-7988788 atau e-mel: hafos_06@yahoo.com.